

KENAPA KAMU MENCURI TABUNG MASJID?

"SAYA sama sekali berasa berhak menggunakan duit itu kerana ia wang derma orang yang ikhlas untuk disampaikan kepada insan yang memerlukan seperti saya," luah Bakar tentang pendiriannya pada ketika itu.

Pada saat tertangkap ketika leka memancing wang di dalam tabung masjid kariah oleh penduduk kampung bersebelahan taman perumahan tempat dia menyewa, dia bertegang leher membela diri - dia tidak bersalah!

"Saya dipukul sehingga seorang tua datang meleraikan pergelutan. Si tua itu lalu memulakan 'ceramah'. Ucapan katanya begitu lembut dan berhemah. Di akhir katanya, saya menangis teresak-esak dan merayu mohon dibebaskan."

"Baris ayatnya masih saya ingat, 'Ini harta milik orang ramai, satu masjid mewakili satu kariah dari tiga kampung berdekatan sini, bayangkan betapa banyak dosa kamu dengan setiap satu ahli kariah ini? Mampukah kamu meminta maaf daripada seorang demi seorang mereka

semua? Sedangkan dosa dengan Allah akan diampunkan jika kamu memohon kepada-Nya kerana Allah Maha Pengampun. Tetapi dosa sesama manusia mengharapkan kemaafan daripada manusia juga."

"Sesaat itu, pandangan saya gelap. Baru saya sedar, saya silap. Si tua yang rupanya imam masjid itu melepaskan saya..."

Betapa terlencong pemikiran individu kala melakukan jenayah. Sesuatu yang haram menjadi halal kerana kesilapan memahami perkara asas dalam kehidupan - agama.

Sedang kes kecurian tabung masjid kerap muncul di dada akhbar, menjadi viral di laman sosial, lantas WANITA bertemu barisan profesional termasuk peguam, pakar psikologi dan wakil institusi ibadah perdana bagi menghurai persoalan ini. **NORFAIZA ISMAIL** dan **NOOR HIDAYAH SHAFIEE** melaporkan dengan niat supaya penyakit sosial ini dapat bersama dirawat oleh masyarakat. Gambar oleh **IZWAN ZAINAL DAN SYAFIQ AFFENDY**.

25 NOVEMBER 2015 JOHOR BAHRU BAWA KARUNG GUNI CURI DUIT MASJID

Empat tabung Masjid Jamek Al-Makmur Taman Bukit Tiram, Hulu Tiram, dipecah pencuri sekitar pukul 3.30 pagi. Melalui CCTV yang dipasang, pencuri dikenal pasti seorang lelaki yang membawa karung guni untuk mengisi hasil curi duit tabung yang telah diumpul kuncinya.

16 SEPTEMBER 2015 KUALA TERENGGANU POLIS TAHAN DUA SUSPEK CURI DUIT TABUNG MASJID

Polis menahan dua suspek lelaki berumur 32 dan 34 tahun berkaitan kes curi duit tabung masjid di Kemaman, Dungun dan Marang. Polis turut merampas alat untuk mencuri seperti dawai, pisau dan buluh serta wang tunai yang dipercayai dicuri daripada tabung berkenaan. Sasatan mendapati suspek melakukan jenayah itu antara pukul 10.00 malam dan sebelum subuh.

18 OGOS 2015 BACHOK, KELANTAN LIMA BERANAK DITAHAN CUBA CURIWANG TABUNG MASJID

Seorang lelaki bersama isteri dan tiga anak yang berusia empat hingga enam tahun dicekup oleh penduduk kampung ketika cuba mencuri wang tabung Masjid Mukim Melawi.

Lelaki terbabit menafikan tuduhan dan menengking penduduk untuk membela diri namun akhirnya memohon maaf apabila perbuatan mereka yang dirakamkan CCTV ditunjukkan.

Turut ditemui, satu tin kecil gam yang disembunyikan dalam telekung wanita, dipercayai digunakan untuk mengeluarkan wang dari tabung. Gam itu akan dilekatkan pada hujung sebatang lidi dan dicucuk masuk menerusi lubang tabung untuk mengeluarkan wang.

18 JULAI 2015 JASIN, MELAKA PENCURI TABUNG MASJID TERTIDUR DICEKUP

Seorang pencuri bernasib malang apabila cubaan mencuri wang tabung Masjid Ubaidullah gagal gara-gara tertidur. Para jemaah terimampak seorang lelaki sedang berbaring di ruang solat berhampiran sebuah tabung lalu cuba mengejutkannya, namun lelaki itu langsung tidak sedar walaupun azan Subuh berkumandang.

Jemaah mengesyaki lelaki tersebut mencuri berdasarkan terdapat pemutar skru pada tangannya dan selepas diperiksa

sebuah tabung di ruang solat wanita dipecahkan dan wang di dalamnya hilang.

11 SEPTEMBER 2014 KUALA LUMPUR PENCURI DIPUKUL SAMPAI MATI

Tiga pengawal keselamatan Mohd. Aswenry Majon, 27, dan dua warganegara Indonesia, Iweldo Putra, 20, dan Pondri Neriko, 21, dihukum penjara setahun enam bulan di Mahkamah Sesyen Ampang selepas mengaku bersalah atas tuduhan menyebabkan kematian Mohamed Shah Reza di tangga tepi pagar Masjid Al-Azim, Jalan Pandan Indah, Ampang pada pukul 5.00 pagi, 3 Disember 2013.

Mohamed Shah Reza Fauzi, 20, dipukul dengan kayu sehingga mati ketika cuba melarikan diri selepas dia dilihat cuba melakukan sesuatu pada peti tabung kutipan derma masjid.

11 OGOS 2014 JASIN, MELAKA GENG PECAH TABUNG MASJID TUMPAS

Tiga anggota kumpulan 'Geng Udin Tedong Pantai Merlimau' termasuk dua adik-beradik dipercayai terlibat dalam 23 kes pecah tabung masjid antara April 2013 hingga Julai 2014 ditahan.

Kesemua mereka yang berusia 20, 18 dan 17 tahun, mengaku melakukan 18 kes di Merlimau dan Sungai Rambai manakala lima di Ledang, Johor melibatkan kerugian antara RM20 hingga RM500 bagi setiap tabung masjid yang dipecah.

10 JULAI 2012 PETALING JAYA PENGANGGUR CURI DUIT MASJID RM5 DIPENJARA SEBULAN

Gara-gara mencuri duit tabung masjid sebanyak RM5 dengan alasan untuk dijadikan modal mencari pekerjaan lain, seorang penganggur terpaksa meringkuk dalam penjara selama sebulan. Dia didakwa mencuri lima keping wang kertas RM1 daripada tabung milik

Masjid Abu Bakar As Siddiq, Subang Jaya, pada pukul 2.45 pagi, 7 Julai 2012. Penjaga masjid melihat tertuduh mengorek tabung di dalam masjid menggunakan dawai yang ditampalkan dengan gula-gula getah di hujungnya.

Tertuduh mempunyai rekod jenayah yang sama sebelum ini dan telah dihukum penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret Shah Alam pada 2004.



Am - General

HUKUMAN BERAT MENANTI PENCURI WANG MASJID!

GARA-GARA MENCURI DUIT TABUNG MASJID RM2, SEORANG PENGANGGUR DIHUKUM PENJARA SEHINGGA DUA TAHUN DAN DENDA RM5,000 OLEH MAHKAMAH MAJISTRET KOTA BIARU, KELANTAN.



Hanya ambil RM2, hukuman diterima penjara dua tahun dan denda RM5,000. Antara hendak berasa kesian atau tidak memang tidak berbaloi mencuri duit masjid!

Bersama Peguambela & Peguamcara dan Peguam Syarie, Kartini Yusoh dari Tetuan Kartini & Partners, Melaka, menerangkan tentang hukuman menanti si pencuri duit masjid!

W: Apakah akta yang diguna pakai bersabit kesalahan mencuri wang tabung masjid?

Secara umumnya, di Malaysia, mencuri adalah merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan – seksyen 378, 380 atau 382 Kanun Keseksaan bergantung kepada fakta kes dalam pertuduhan. Dalam konteks mencuri wang tabung masjid, akta yang selalunya diguna pakai adalah seksyen 378 Kanun Keseksaan.

W: Apakah hukuman minimum – maksimum bagi kesalahan terbabit?

Hukuman bagi kesalahan jenayah mencuri di bawah seksyen 378 Kanun Keseksaan adalah seperti yang dinyatakan pada seksyen 379 Kanun Keseksaan iaitu penjara sehingga boleh tujuh tahun dengan, atau denda atau kedua-duanya sekali, bagi kesalahan yang pertama.

W: Adakah hukuman dijatuhkan berdasarkan nilai wang yang dicuri?

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi Mahkamah dalam mempertimbangkan beratnya hukuman bagi kesalahan jenayah mencuri tersebut. Ia bergantung kepada fakta dalam rayuan tertuduh, keadaan tertuduh semasa melakukan jenayah

(desakan hidup atau sengaja) dan samada tertuduh mempunyai rekod jenayah lampau disamping juga mengambil kira kepentingan umum (public interest). Kanun Prosedur Jenayah ada memperuntukkan terutamanya bagi pesalah muda dan juga pesalah kali pertama untuk dibebaskan dengan bon kelakuan baik tanpa/atau dengan jaminan serta boleh juga dihantar untuk membuat kerja-kerja amal mengikut peruntukan yang bersesuaian. Dalam melaksanakan hukuman tersebut Mahkamah perlu mengambil kira kelakuan, umur, kesihatan, keadaan mental dan juga keadaan dan sifat kes.

W: Adakah hukuman undang-undang sedia ada kini tidak cukup menakutkan si pencuri? Minta Puan cadangkan undang-undang atau hukuman yang lebih menginsankan, yang wajar diperbaharui dalam Akta ini.

Objektif hukuman denda dan/atau penjara bukan merupakan suatu penyelesaian terbaik untuk membendung atau mencegah jenayah mencuri. Ia hanya untuk memastikan pesalah diberi hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan melindungi masyarakat daripada penjenayah yang terbabit. Dari segi moral, jenayah mencuri ini boleh dikategorikan sebagai salah satu penyakit masyarakat di mana mencegah adalah lebih baik dari mengubati.

Dari segi hukum fekah, kita perlu berbalik kepada apa yang disebut sebagai "mencari asbab" berlakunya jenayah mencuri itu sendiri. Maksudnya, masyarakat dan pihak-pihak yang berkenaan perlu ambil tahu atau prihatin sebab mengapa berlakunya jenayah mencuri itu sendiri.

Banyak faktor yang menjadi sebab kenapa berlakunya jenayah mencuri itu sendiri, contoh, faktor ekonomi atau desakan hidup dan sikap contoh; nafsu, hobi, cara hidup dan lain-lain. Apabila asbab berlakunya jenayah mencuri tersebut dapat dikesan, maka tindakan yang sewajarnya boleh diambil selaras dengan asbab yang dikesan. Cara paling berkesan untuk jangka masa panjang adalah melalui pendidikan yang dimulakan dari peringkat pra persekolahan dimana nilai-nilai murni perlu diterapkan pada kanak-kanak, contohnya, kita tidak boleh ambil barang orang sesuka hati dan atau tanpa kebenaran kerana ia adalah suatu perbuatan keji dan juga merupakan suatu kesalahan.

TABIAT MENCURI BERLAKU DI SELURUH DUNIA. TIDAK KIRA MASA DAN KETIKA. BEGITU JUGA GOLONGAN YANG TEGAR MELAKUKAN PERBUATAN BURUK INI. MEREKA BOLEH TERDIRI DARIPADA PELBAGAI LAPISAN UMUR.

Pun begitu, sekiranya menyelami punca yang mendorong aktiviti jenayah ini, perspektif perubahan dan psikologi mengesan dua faktor yang mencetuskan tindakan mencuri.

Fakta ini diungkapkan oleh Pakar Perunding Psikologi Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (CUCMS), Prof. Dr. Najib Alwi.

"Secara pemerhatian dan pandangan umum, siapa yang tidak pernah mencuri? Semua orang pernah melakukannya.

"Sebagai contoh, kanak-kanak. Terkadang, mereka mengambil barang permainan yang bukan miliknya, makan buah-buah yang berada di luar pakar rumah orang dan sebagainya.

"Begitu juga orang dewasa. Biasanya jika menginap di hotel, mereka gemar mengambil sabun, syampu, tisu dan lebih 'nakal' lagi mengambil tuala hotel. Bukankah semua kelakuan ini tetap dikatakan mencuri?"

"Pun begitu, bagi anak kecil, mereka berasakan kelakuannya itu tidak salah kerana tidak mengetahui akan hukum ini. Manakala orang dewasa pula bertunjangan alasan bahawa mereka telah membayar sewa yang mahal untuk menginap di hotel tertentu, justeru tidak salah 'menyimpan' barangan tersebut.

"Apa pun alasan diberi, pada kebiasaan tabiat mencuri ini dilakukan akibat kesempitan hidup. Tidak kira sama ada di Malaysia mahupun negara lain di seluruh dunia, tekanan ekonomi yang meruncing mencetuskan jenayah mencuri berleluasa.

"Dalam istilah lebih jelas, kategori manusia yang mencuri demi keperluan tertentu ini terpaksa mencuri kerana memerlukan. Umpamanya orang miskin mencuri wang termasuk duit masjid mungkin untuk membeli makanan atau mungkin membeli keperluan anak-anak di rumah," katanya memulakan bicara.

SUKA RASA MENCABAR

Tambahnya lagi, selain faktor tadi, gangguan emosi dan

masalah mental juga boleh membawa kepada kelakuan mencuri.

"Isu kelakuan mencuri ini sebenarnya menarik. Ini kerana ada yang sengaja suka-suka mengambil barangan tertentu kerana gemar pada cabaran dan debaran saat mencuri. Dan nyata sekali, tabiat ini dilaksanakan bukan kerana terdesak untuk menggunakannya apatah lagi untuk menjual barangan curi demi wang.

"Daripada segi golongan individu yang terlibat pula, kebanyakannya orang berada. Barangan yang diambil pun ada sesetengahnya tidak relevan digunakan pada zaman ini. Malah ada juga barangan diambil murah harganya.

"Sudahlah mencuri barangan yang agak tidak penting kepada diri, mereka kemudian menyimpan atau melupuskan barangan curi dengan cara tidak bijak seperti buang ke dalam sungai dan sebagainya.

"Jika menurut perubahan psikologi, individu dengan ciri-ciri tadi sebenarnya tidak sihat. Mereka mengalami gangguan emosi yang dikenali sebagai Kleptomania.

"Antara selebriti dunia yang mengalami Kleptomania adalah Britney Spears (mencuri pemetik api), Winona Ryder (mencuri baju pereka fesyen bernilai USD 5,000) dan Lindsay Lohan (mencuri barang kemas).

"Kes membabitkan orang awam pula adalah Stephane Breitwieser. Dia ditangkap mencuri 170 jenis barangan dari seluruh muzium di benua Eropah dan menyimpan kesemua barangan ini di rumahnya.

"Terdapat juga satu kes di mana seorang lelaki Inggeris pernah ditahan polis kerana mencuri lebih 800 buku di perpustakaan Minnesota dan Dakota Country. Apa yang unikinya, beliau menyimpan buku-buku tersebut di dalam Caravan miliknya," terang Prof. Dr. Najib sambil memaklumkan Kleptomania cukup sukar untuk dirawat.

Namun begitu, tabiat suka mencuri akibat penyakit ini boleh dikawal dengan pengambilan ubat anti-tekanan dan terapi bantuan berkelompok.



Mencuri Antara Sakit & Terpaksa?

GENAP 50 TAHUN SEJAK DIDIRIKAN PADA 1965, MASJID NEGARA MENJADI LAMBANG GAHNYA ISLAM SEBAGAI AGAMA PERSEKUTUAN. SEKALI GUS MELETAKKAN IA SEBAGAI INSTITUSI IBADAT PERDANA. MASJID NEGARA MELALUI STRUKTUR PENTADBIRANNYA YANG PROFESIONAL MEMPUNYAI CARA TERSENDIRI BAGI MENGURUSKAN WANG TABUNG DERMA.

"Tabung derma masjid bukan sekadar tempat mengumpulkan duit, malah ia menjadi satu sumber perkembangan ekonomi masjid," kata Penolong Pengarah Masjid Negara, Muhammad Nurazid Zainudin.

Laksana perniagaan yang sentiasa memerlukan idea kreatif dan terkini untuk melarikan produk atau perkhidmatan, tabung masjid juga seharusnya mempunyai strategi untuk menarik pengunjung menderma.

Menurutnya, sejak 2006, Masjid Negara bertindak menggunakan tabung baru dengan rekaian bentuk kubah masjid bulat serta mempunyai lambang bulan dan bintang di puncaknya.

"Dengan skala saiz lebih lebar dan penggunaan material *stainless steel* yang berkilau cantik, ia turut memainkan peranan untuk menarik pengunjung menderma berbanding menggunakan peti besi empat segi biasa sebelum itu," ceritanya.

Sebelum 2006, Masjid Negara menggunakan tabung besi empat segi setinggi kira-kira tiga kaki namun bukaan lebar yang kecil kira-kira satu kaki dan diletakkan di hujung kepala tangga.

Namun kerana ia rendah berbanding pemegang tangan, tabung ini seperti tidak kelihatan sewaktu pengunjung menaiki tangga. "Oleh itu, peletakan tabung di kawasan strategik turut membantu melonjakkan jumlah kutipan. Kawasan strategik yang dimaksudkan ialah meletakkan tabung di tempat terbuka serta mudah dilihat oleh pengunjung. Secara psikologinya, tabung yang cantik yang berada pada laluan yang jelas bagai automatik menarik pengunjung mendekatinya berbanding tabung yang diletakkan di kawasan tersorok seperti di sebelah tiang ruang solat," jelasnya.

Pencatutan Masjid Negara berjaya. Sehingga kini, secara purata sebanyak RM25,000 berjaya dikumpulkan dalam seminggu melalui bilangan sembilan buah tabung yang diletakkan di serata laluan terbuka masjid.

Selain itu, peletakan tabung di kawasan penglihatan awam juga adalah atas faktor keselamatan, ia membantu mengecilkkan peluang kepada pencuri.

"Di sebelah bawah tabung ini juga terdapat lapisan konkrit setebal satu kaki, menyebabkan sebuah tabung memerlukan empat tenaga lelaki dewasa untuk mengalihkannya," kata Muhammad Nurazid menerangkan Masjid Negara turut memasang CCTV di sekitar kawasan masjid serta kehadiran pengawal keselamatan sepanjang 24 jam setiap hari sebagai langkah keselamatan menyeluruh.

Tambahnya lagi, Masjid Negara juga pernah menerima kunjungan pihak Masjid Shah Alam yang ingin berkongsi ilmu sistem pengurusan masjid termasuk menguruskan tabung derma.

"Saya dimaklumkan dengan mengadaptasi strategi seperti Masjid Negara, Masjid Shah Alam juga berjaya melonjakkan kutipan tabung derma masjid berstatus masjid negeri itu," ujarnya.

PROSES PENGURUSAN TABUNG DERMA MASJID NEGARA

1. Tabung akan dibuka setiap selepas solat Jumaat oleh tiga hingga lima pegawai unit kewangan termasuk anggota keselamatan Masjid Negara.
2. Sehelai beg kain yang tergantung di dalam tabung akan diambil dan isinya dipindah ke dalam begasi keselamatan. Selepas itu, beg kain yang telah dikosongkan digantungkan semula ke dalam tabung. Beg kain berfungsi sebagai pelapik tabung *stainless steel* bagi mengelakkan bunyi berdeting wang siling logam seterusnya mungkin menyebabkan penderma segan diperhatikan.
3. Wang terkumpul dikira. Lazimnya nota RMI akan mendahului jumlah helaian terbanyak didermakan. Turut terdapat wang nota antarabangsa seperti Dolar Amerika, Pound Sterling dan pelbagai lagi mata wang asing.
4. Wang kutipan akan dibawa oleh pegawai kewangan dan anggota keselamatan Masjid Negara untuk disimpan di bank.



Proses pengumpulan wang tabung derma dilakukan selepas Solat Jumaat oleh pegawai Masjid Negara.

Perbelanjaan Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara



BULAN	KUTIPAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Januari	102,394.10	38,000.00
Februari	129,285.15	65,258.00
Mac	109,173.05	15,560.00
April	109,378.10	141,480.00
Mei	113,702.10	96,788.00
Jun	103,915.30	90,338.00
Juli	151,261.85	162,343.71
Ogos	103,228.80	135,765.00
September	107,509.50	63,008.50
Oktober	134,903.25	38,780.00
November	108,769.10	60,630.00
Disember	107,550.55	(belum berakhir)

Hasil dan Perbelanjaan Akaun Amanah Tabung Masjid Negara 2015

MINTA... JANGAN CURI!

Walaupun kes kecurian wang tabung tidak pernah berlaku di Masjid Negara setakat ini, Ketua Unit Perhubungan Awam Masjid Negara, Khisamudin Ismail mengulas, isu kecurian tabung masjid memang menjadi tanggungjawab pihak pengurusan.

Bagaimanapun, sesetengah masjid tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk melaksanakan sistem keselamatan yang mereka fikirkan seperti menggaji pengawal keselamatan atau memasang CCTV.

"Menariknya sebuah masjid yang pernah saya lawati di Batu Arang, Selangor, menempah khas rekaian tabung masjid mereka dengan meletakkan penggera di dalamnya. Jika tabung tersebut mengesan gerakan selain memasukkan duit, ia akan berbunyi dengan kuat seperti siren ambulans," ceritanya tersenyum.

"Selebihnya isu kecurian tabung juga adalah masalah sosial yang perlu tindakan ahli masyarakat. Anak-anak sedah kecil perlu dididik tentang hak harta awam adalah untuk manfaat umum, ia tidak boleh diambil untuk dijadikan hak peribadi."

"Selain itu, jika ahli kariah menangkap seorang pencuri, janganlah bertindak sesuka hati memukulnya. Sebaliknya adili dengan bijaksana. Ada kala pencuri melakukannya kerana terdesak," ujarnya.

Menurutnya lagi, dalam Islam sendiri mengamalkan takzir iaitu menjatuhkan hukuman yang tidak terdapat dalam al-Quran dan hadis berdasar kebijaksanaan bertujuan untuk pengajaran.

Memetik kisah si pencuri yang mencuri tamar jirannya pada zaman Khalifah Umar Al-Khattab, pencuri tersebut tidak dihukum. Sebaliknya si pemilik kebun tamar perlu membayar denda kerana tidak membantu jirannya sedangkan pencuri tersebut didapati uzur dan kebuluran manakala jirannya cukup berkemampuan.

"Masjid Negara juga mengamalkan kaedah budi bicara, malah hampir setiap minggu tidak kurang sepuluh individu atau keluarga hadir ke masjid meminta petolongan," katanya menerangkan setiap wang tabung masjid yang digunakan secara berhemah malah ada sempadannya.

Bagaimanapun, wang tabung masjid adalah satu amanah dan tidak boleh diberikan sewenang-nangnya kerana bimbang disalahgunakan oleh penerima bantuan. Oleh itu, pihak pentadbiran Masjid Negara biasanya akan mengadakan sesi temu bual dengan pengadu untuk menentukan sama ada mereka layak menerima bantuan atau tidak.

"Jangan terkejut, ada juga yang datang menipu, kemudian meminta bertang kali. Minggu ini datang minta duit, tambang pulang ke kampung kerana telah dibuang kerja. Minggu depan datang lagi dengan pelbagai alasan," jelasnya.



Ustaz Khisamudin

PENGURUSAN TABUNG MASJID NEGARA TELADAN & SEMPADAN